

## 'Tauliah ajar agama wakil rakyat berisiko ditarik semula'

**(poh):** Tauliah mengajar agama wakil rakyat boleh ditarik semula jika mereka gagal mematuhi pekeliling larangan aktiviti berbau politik di masjid, surau dan surau negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata pekeliling dikeluarkan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) itu jelas menyatakan larangan orang politik berucap dalam masjid serta surau.

Saarani berkata, beliau sendiri tidak menggurtakan jawatannya sebagai Menteri Besar dan EXCO Agama Islam negeri untuk berucap di masjid dan surau, biarpun dijemput.

"Saya kekal berpegang kepada titah Sultan Perak (Sultan Nazrin Muizzuddin Shah). Saya minta maaf dan menaak untuk berucap kerana saya tahu mengenai pekeliling itu.

"Saya orang politik, ter masalah mana-mana wakil rakyat sebelum ini pemegang tauliah mengajar atau 'ustaz' yang menyampaikan kuliah agama. Sekarang, sudah menjadi wakil rakyat, bermakna dia juga orang politik.

"Jika masih ingkar kepada titah tuanku, mungkin tauliah mereka ditarik balik. Kita tengoklah nanti, mungkin JAIP akan memeriksa kembali," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi bual bicara langsung Selamat Pagi Cikgu Saarani di stesen radio Perak FM, di Kompleks Penyiaran Malaysia Perak, Kompleks Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, di sini, semalam.

Saarani diminta mengulas hantaran bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Titi Serong, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim, dalam Facebook, kelmarin, yang mempersoal kewajaran ADUN Manjoi, Hafez Sabri daripada Perikatan Nasional (PN) menyampaikan kuliah agama di sebuah masjid di Kampung Seri Klebang, Klebang, di sini.

👉 Jika masih ingkar kepada titah tuanku, mungkin tauliah mereka ditarik balik. Kita tengoklah nanti, mungkin JAIP akan memeriksa kembali 🗨️

Saarani Mohamad,  
Menteri Besar Perak



+